

41

**PEMBERITAHU PERTANYAAN**  
**DEWAN RAKYAT MALAYSIA**  
**MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEENAM**

**PERTANYAAN** : **BUKAN LISAN**  
**DARIPADA** : **Y.B. DATUK LIANG TECK MENG**  
**KAWASAN** : **SIMPANG RENGGAM**  
**NO. SOALAN** : **217**

**SOALAN**

Datuk Liang Teck Meng [Simpang Renggam] minta MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI menyatakan adakah pengukuhan mata wang ringgit akan menyebabkan perubahan dalam pelaburan langsung asing. Jika ya, nyatakan strategi Kerajaan dalam menghadapinya.

**JAWAPAN:**

Tuan Yang di-Pertua,

Pada akhir tahun 2017, Ringgit Malaysia telah menunjukkan pengukuhan yang ketara sehingga mencapai RM4.11/USD. Pengukuhan ini didorong oleh faktor-faktor ekonomi Malaysia yang semakin mantap. Selain itu, peningkatan harga minyak mentah dunia juga merupakan faktor terhadap pengukuhan Ringgit Malaysia.

42

Peningkatan nilai mata wang ringgit sejak awal tahun 2018 pula disumbangkan oleh petunjuk-petunjuk ekonomi utama Malaysia yang semakin positif iaitu pertumbuhan eksport dan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) yang lebih tinggi. Kegiatan ekonomi yang semakin menggalakkan ini dapat membantu meningkatkan sentimen dan keyakinan pelabur dan seterusnya meningkatkan prestasi pelaburan termasuk pelaburan langsung asing ke dalam negara.

Sehubungan itu, pengukuhan nilai ringgit ketika ini secara umumnya memberi manfaat dan kesan positif kepada pengguna serta syarikat-syarikat yang melabur di dalam negara dan memberi sentimen positif kepada pelabur asing untuk melabur atau meningkatkan pelaburan mereka di Malaysia, di mana:

- harga barangan import yang biasanya berasaskan USD menjadi lebih rendah. Ini akan memberi manfaat kepada syarikat dari segi pengurangan kos pengeluaran jika syarikat menggunakan input yang diimport. Nilai ringgit yang lebih kukuh ini akan mengurangkan kos perniagaan syarikat;
- permintaan domestik terhadap produk-produk keluaran syarikat akan meningkat apabila produk keluaran syarikat yang dikeluarkan di dalam negara dijangka menjadi lebih murah selaras dengan penjimatan kos pengeluaran berikutan pengukuhan ringgit; dan
- syarikat-syarikat yang mempunyai hutang luar negara mendapat penjimatan daripada segi bayaran faedah dalam mata wang asing terutamanya dolar Amerika Syarikat (USD) selaras dengan pengukuhan nilai ringgit ini.

Tuan Yang di-Pertua,

Kerajaan sentiasa peka dengan perubahan sebarang petunjuk ekonomi yang memberi kesan kepada pelaburan di negara ini, termasuk perubahan dalam nilai ringgit dan impaknya kepada prestasi pelaburan. Kerajaan juga sentiasa pro-aktif bagi memastikan daya saing negara terus kukuh menerusi pelbagai strategi dan inisiatif dalam berdepan dengan pelbagai cabaran termasuk situasi turun naik nilai matawang ringgit ini.

Bagi memastikan pelaburan asing terus kukuh dan kekal berdaya saing, pelbagai usaha dan inisiatif telah dan sedang dilakukan oleh Kerajaan, antaranya termasuklah:

- Mengamalkan pendekatan ekosistem dalam menarik pelaburan langsung asing yang berkualiti ke Malaysia;
- Menggalakkan pelabur asing untuk meningkatkan pelaburan mereka di Malaysia dalam projek pelaburan yang berkualiti seperti projek-projek berteknologi tinggi, nilai ditambah yang tinggi, berintensif pengetahuan, kemahiran intensif, berorientasi eksport, berintensif modal, reka bentuk dan R&D, projek-projek yang mempunyai impak yang tinggi dan mempunyai hubungan yang kukuh dengan industri tempatan;
- Membangunkan rantaian bekalan dengan melengkapkan hubungan rantaian industri sama ada industri hulu dan sedia ada dan industri hiliran yang baharu. Antara langkah-langkah Kerajaan

64

untuk mencapai hasrat ini adalah dengan penganjuran beberapa sesi persidangan pembekal-pembekal industri atau *suppliers' conferences* dan juga menganjurkan program-program pembangunan vendor. Langkah-langkah ini juga dapat membantu pelabur-pelabur asing dalam *business matching* untuk memulakan projek usahasama dengan pelabur tempatan atau untuk melaksanakan pengilangan kontrak atau *contract manufacturing*;

- Menganjurkan misi-misi pelaburan ke luar negara terutamanya yang dianjurkan oleh agensi di bawah MITI, iaitu Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia (MIDA) untuk mempromosi dan menarik pelaburan baharu; dan
- Manganjurkan program *media engagement* dan publisiti di dalam dan luar negara bagi menyalurkan maklumat-maklumat terkini berkaitan pelaburan kepada pelabur-pelabur yang berpotensi.

Sekian terima kasih